

Syarikat korporat diseru salur dana ke NCTF

KUALA LUMPUR 1 Dis. - Syarikat-syarikat korporat diseru melakukan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menyalurkan sumbangan ke Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (NCTF) bagi membantu kerajaan memelihara dan memulihara biodiversiti negara.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, tanggungjawab melakukan konservasi sumber asli tidak wajar hanya diletakkan di bahu kerajaan sebaliknya perlu dipikul bersama.

"Lebih-lebih lagi syarikat yang terlibat dalam sektor pembuatan, pelancongan, hartanah, perladangan dan pertanian kerana sedikit sebanyak apa yang mereka lakukan

telah mengganggu gugat alam sekitar khususnya biodiversiti.

"Jadi, CSR yang dilakukan adalah sebagai pulangan kepada negara dan masyarakat bagi memastikan khazanah sumber asli negara kita akan terus dapat dinikmati oleh generasi akan datang," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Mengenai Biodiversiti (MyBioD) 2015, di sini hari ini.

NCTF yang dikawal selia oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar dilancarkan pada 17 November lalu bagi memulihara kawasan terosot, hutan simpan kekal serta



WAN JUNAIDI

pengurusan sumber asli.

Menurut Wan Junaidi, selain syarikat korporat, NCTF yang telah disuntik dengan geran permulaan RM10 juta oleh kerajaan juga boleh menerima peruntukan daripada pihak perseorangan, swasta serta institut atau entiti dari dalam dan luar negara.

Beliau berkata, dana NCTF itu akan disalurkan kepada institut penyelidikan, pusat pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), organisasi berteraskan komuniti serta organisasi awam bagi membiayai aktiviti penyelidikan; pembangunan; pengurusan; perlindungan biodiversiti

serta adaptasi dan mitigasi kepada perubahan iklim; peningkatan kesedaran dan usaha-usaha konservasi.

Dalam perkembangan sama, Wan Junaidi berkata, kementeriannya telah mengemaskini Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 1998 selaras dengan keperluan pengurusan biodiversiti semasa.

Ujar beliau, DKBK 2016-2025 yang bakal dimuktamadkan dalam masa terdekat menggariskan 17 sasaran biodiversiti negara dengan 57 tindakan dalam tempoh 10 tahun.

"Matlamat dasar ini adalah untuk memulihara biodiversiti negara dan dalam masa sama memastikan penggunaannya dilakukan secara mampan serta perkongsian faedah yang adil dan saksama," katanya.